

Headline	Menghargai alam semula jadi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	S6	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	567 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Azma Laila	AdValue	RM 19,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,410



Pelajar SMAPK, Selangor bergambar setelah selesai membersihkan dan mengubah landskap di persekitaran sekolah.



Pelajar SMAPK, Selangor sedang membersihkan kawasan persekitaran sekolah.

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kajang

**B**agi mengubah landskap Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Selangor, satu aktiviti untuk menghijaukan kawasan sekitar sekolah itu dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMAPK dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan, di sini, baru-baru ini.

Program sehari yang bermula jam 8 pagi itu disertai seluruh warga SMAPK, ibu bapa, guru serta beberapa wakil agensi kerajaan antaranya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor serta Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelajar Tingkatan Empat Zuhail, Alif Zahed, 16, yang turut mengambil bahagian

# Menghargai alam semula jadi

» SMAPK anjur aktiviti memupuk semangat kerjasama dan mendidik generasi muda supaya mencintai alam sekitar

dalam program berkenaan menyifatkan ia suatu aktiviti sihat yang memberi kesedaran kepada pelajar untuk menghargai alam semula jadi.

"Melalui aktiviti ini juga, saya dan rakan-rakan dapat bersama dengan menyumbang tenaga untuk menghijaukan lagi kawasan sekolah seperti menanam pokok yang disumbangkan oleh beberapa agensi tertentu antaranya FRIM dan Jabatan Perhutanan.

"Selain dapat menceriaan kawasan sekolah, ia juga dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar dan mendidik generasi muda supaya mencintai alam sekitar. Saya pasti akan mengambil bahagian lagi sekiranya aktiviti sebegini diadakan pada masa depan," katanya.

## Bersemangat untuk belajar

Rakannya, Muhammad Hazman Thalib, 16, pula berkata aktiviti sedemikian patut diteruskan pada masa depan kerana ia banyak memberi faedah kepada alam sekitar serta pelajar itu sendiri.

"Kami semua seronok apabila diberi peluang mengam-



Sakijan Muri



Nor Hisham

bil bahagian dalam aktiviti menanam pokok di sekitar kawasan sekolah termasuklah asrama dan padang.

"Program ini bukan saja mendidik pelajar supaya menghargai alam semula jadi tetapi juga boleh mengeratkan silaturahim dalam kalangan pelajar, guru dan ibu bapa," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua PIBG SMAPK, Encik Nor Hisham Abdullah Sani, berkata objektif utama penganjuran program berkenaan ialah untuk mengubah landskap sekolah supaya lebih ceria, sekali gus menggantikan beberapa pokok yang tumbang kerana dilanda ribut penghujung bulan Mei lalu.

"Program ini juga sebahagian daripada aktiviti permulaan yang dianjurkan PIBG

dalam mempromosikan sambutan Jubli Perak sekolah ini yang akan berlangsung pada 4 hingga 6 September depan.

"Bagi program kali ini, sebanyak 140 pokok disumbangkan oleh FRIM dan Jabatan Perhutanan serta Pertanian Negeri Selangor. Saya berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh agensi berkenaan dan berharap lebih banyak syarikat korporat tampil untuk memberikan sumbangan dalam membantu menjayakan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh PIBG SMAPK," katanya.

Pengetua SMAPK, Encik Sakijan Muri, berkata pihak sekolah menyokong penuh usaha yang dilakukan PIBG bagi mengubah landskap sekolah yang terjejas kerana kejadian ribut baru-baru ini.